

**ASN B ISYTIHAR PEMBAYARAN PENGAGIHAN PENDAPATAN  
BERJUMLAH RM1.55 BILION UNTUK ASB 2, ASM,  
ASN EQUITY 3, ASN IMBANG 2 DAN ASN SARA 1**

***Pulangan Dua Digit  
bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1***

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM), serta tiga dana harga berubah iaitu ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021.
- ASB 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM488.2 juta yang memanfaatkan 459,416 pemegang unit dan ASM mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM851.2 juta yang memanfaatkan 559,222 pemegang unit. Pulangan sebanyak 4.25 sen seunit bagi ASB 2 dan 4.00 sen seunit bagi ASM ini melebihi pulangan penanda aras pada 1.95% yang direkodkan oleh Deposit Tetap 12-bulan Maybank bagi tempoh yang sama.
- ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 masing-masing mencatatkan pulangan dua digit sebanyak 18.7%, 17.0% dan 10.8%, dengan ASN Equity 3 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM76.4 juta, pada kadar 3.53 sen seunit dan memberikan hasil dividen sebanyak 3.95%. ASN Imbang 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah sebanyak RM45.4 juta, pada kadar 3.11 sen seunit dan memberikan hasil dividen sebanyak 3.35%, manakala ASN Sara 1 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah sebanyak RM91.8 juta, iaitu pulangan sebanyak 3.52 sen seunit dan memberikan hasil dividen sebanyak 3.15%.
- Urus niaga bagi kelima-lima dana tersebut di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 24 hingga 31 Mac 2021 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di portal myASNB di [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 April 2021.

**Kuala Lumpur, 29 Mac 2021:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM1.55 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021 untuk lima dana. Dana-dana tersebut adalah dua dana harga tetap iaitu Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Malaysia (ASM), beserta dengan tiga dana harga berubah-ubah iaitu ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1.

### **Dana Harga Tetap ASNB**

ASB 2 mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM488.2 juta yang memanfaatkan 459,416 pemegang unit dengan pegangan 11.5 bilion unit, dan ASM mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM851.2 juta yang memanfaatkan 559,222 pemegang unit dengan pegangan 21.3 bilion unit. Sehingga 25 Mac 2021, ASB 2 mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM499.0 juta, manakala ASM mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM727.6 juta.

Prestasi ASB 2 dan ASM ditanda aras berbanding Deposit Tetap 12-Bulan Maybank. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021, ASB 2 dan ASM masing-masing telah mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 4.25% dan 4.00%, berbanding dengan 1.95% yang dicatat Deposit Tetap 12 Bulan Maybank.

### **Dana Harga Berubah ASNB**

ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 masing-masing mencatatkan pulangan dua digit sebanyak 18.7%, 17.0% dan 10.8% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021 yang didorong oleh pemulihan pasaran ekuiti daripada prestasi terendah pada tahun 2020. Kedua-dua kadar pulangan tersebut ditanda aras berbanding Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia (FBM 100) dan Deposit Tetap 12-Bulan Maybank, pada nisbah yang disesuaikan untuk setiap dana.

Dalam tempoh yang sama, FBM KLCI mengukuh dari 1,351 mata ke 1,598 mata sebanyak 18.27% berikutan peningkatan sentimen dengan pelancaran program vaksinasi di peringkat global dan jangkaan pemulihan ekonomi global.

Dengan pulangan ini, ASNB mengisytiharkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM76.4 juta bagi ASN Equity 3, iaitu 3.53 sen seunit kepada 86,306 pemegang unit dengan pegangan 2.2 bilion unit. Manakala, ASN Imbang 2 mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak RM45.4 juta, iaitu 3.11 sen seunit kepada 85,147 pemegang unit dengan pegangan 1.5 bilion unit, dan ASN Sara 1 mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak RM91.8 juta, iaitu 3.52 sen seunit kepada 85,776 pemegang unit dengan pegangan 2.6 bilion unit. Pulangan ini mewakili hasil dividen antara 3.15%-3.95% untuk setiap dana berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) masing-masing pada 25 Mac 2021.

Pengagihan pendapatan yang diisytihar oleh dana-dana ini diperolehi daripada keuntungan dana yang direalisasi, dividen dan pendapatan-pendapatan lain. Pendapatan daripada pelaburan antarabangsa untuk setiap dana meningkat dengan ketara antara 40%-52% daripada jumlah

pendapatan sehingga kini dalam tahun kewangan semasa, mencerminkan impak positif hasil daripada inisiatif kepelbagaian yang dilaksanakan oleh dana-dana tersebut.

Walaupun pandemik COVID-19 mewujudkan pelbagai cabaran, PNB akan terus melaksanakan strategi kepelbagaian dengan meningkatkan pelaburan dalam pasaran global dan kelas-kelas aset lain seperti hartanah, pelaburan swasta dan instrumen pendapatan tetap. PNB akan terus kekal fokus terhadap pelaksanaan pelan strategiknya dalam membina portfolio yang mampan dan berdaya tahan dari segi kewangan.

### **Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga Dana**

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB 2 dan ASM adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan bagi setiap dana, manakala pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Equity 3, ASN Imbang 2 dan ASN Sara 1 adalah berdasarkan baki minimum bulanan yang dipegang pada hujung tahun. Pengagihan yang diisytiharkan oleh dana-dana ini akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan akan dikreditkan secara automatik kepada akaun pemegang unit pada 1 April 2021.

Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara bagi kelima-lima dana tersebut telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 24 hingga 31 Mac 2021 bagi membantu proses pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di portal myASNB di [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 April 2021.

*-Tamat-*

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 tabung unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 260 bilion dan 14.5 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

#### **Dana Harga Tetap**

Dana harga tetap adalah dana unit amanah dengan penilaian tetap RM1 seunit. Pada masa ini, terdapat 3 dana harga tetap dalam setiap siri Amanah Saham Bumiputera (Bumiputera sahaja) dan Amanah Saham Malaysia (untuk semua rakyat Malaysia). Jumlah unit dalam edaran untuk semua 6 dana harga tetap berjumlah 253.5 bilion unit dengan 12.9 juta pemegang akaun.

#### **Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)**

ASB 2 adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 2 April 2014. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur Bumiputera yang memahami pulangan dan risiko pelaburan, dan yang mencari dana dengan potensi pulangan tahunan yang lebih baik.

#### **Amanah Saham Malaysia (ASM)**

ASM adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 20 April 2000. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang memahami pulangan dan risiko pelaburan serta mengharapkan manfaat daripada pertumbuhan jangka panjang dana hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) dan penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka.

#### **Dana Harga Berubah**

Dana harga berubah adalah dana unit amanah dengan penilaian terapung yang ditentukan sama ada dengan kaedah penetapan harga silam atau harga masa hadapan. Pada masa ini, ASNB menguruskan 9 dana harga berubah yang terbahagi kepada tiga siri iaitu ASN Equity (untuk dana ekuiti), ASN Imbang (untuk dana aset campuran seimbang) dan ASN Sara (untuk dana aset campuran konservatif). Jumlah unit dalam edaran untuk semua 9 dana harga berubah adalah 13.2 bilion unit dengan 1.6 juta pemegang akaun.

#### **ASN Equity 3**

ASN Equity 3 adalah dana unit amanah harga berubah yang dilancarkan pada 17 Mac 2003. Ia merupakan dana aset ekuiti, yang sesuai untuk pelabur yang memahami risiko dan pulangan pelaburan dan mencari peningkatan modal bagi jangka masa panjang sebagai persediaan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan kesihatan mereka.

#### **ASN Imbang 2**

ASN Imbang 2 adalah dana unit amanah harga berubah yang dilancarkan pada 17 Mac 2003. Ia merupakan aset campuran seimbang, yang sesuai untuk pelabur yang memahami risiko dan pulangan pelaburan dan mencari peningkatan modal bagi jangka masa panjang sebagai persediaan untuk memenuhi keperluan kewangan untuk pendidikan.

#### **ASN Sara 1**

ASN Sara 1 adalah dana unit amanah harga berubah yang dilancarkan pada 17 Mac 2003. Ia merupakan dana aset campuran konservatif, yang sesuai untuk pelabur yang memahami risiko dan pulangan pelaburan dan mencari peningkatan modal bagi jangka masa panjang sebagai persediaan untuk memenuhi keperluan kewangan untuk persaraan.

### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2021

## AMANAH SAHAM BUMIPUTERA 2



ASB 2


Pengagihan Pendapatan

**4.25** sen seunit

Jumlah Pengagihan

**RM 488.2** juta

## Pengagihan Pendapatan berbanding Penanda Aras



Nota: <sup>1</sup> Kadar Deposit Tetap Maybank 12-Bulan



ASB 2

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2021

## AMANAH SAHAM MALAYSIA




Pengagihan Pendapatan

**4.00** sen  
seunit

Jumlah Pengagihan

**RM 851.2** juta

## Pengagihan Pendapatan berbanding Penanda Aras



Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2021

## DANA HARGA BERUBAH



**ASN Equity 3**

Jumlah Pulangan

**18.7%**

Hasil Dividen

**3.95%**



**ASN Imbang 2**

Jumlah Pulangan

**17.0%**

Hasil Dividen

**3.35%**



**ASN Sara 1**

Jumlah Pulangan

**10.8%**

Hasil Dividen

**3.15%**

Nota : Semua pengiraan Jumlah Pulangan dan Hasil Dividen bagi setiap dana harga berubah adalah berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) terkini pada 29 Mac 2021.

Prospektus Induk Gantian ASNB bertarikh 1 Februari 2020 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang, cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Amanah Saham Nasional Berhad (47457-V). Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (38218-X).